

# Sokongan lebih menyeluruh semarak semangat Iqbal mahu jadi juara dunia

Dua pesilat antara 17 penerima baru;  
Dua sukan baru turut diiktiraf anugerah

ANWAR YAHYA  
anwar@sph.com.sg

DUA kali muncul naib juara di Kejohanan Dunia – kali pertama di Phuket, Thailand, pada 2015, dan kemudian di Bali, Indonesia, pada 2016.

Namun, pesilat negara bagi acara seni tunggal putera, Muhammad Iqbal Abdul Rahman, sama sekali tidak pernah berputus asa dalam usaha mengejar impiannya bergelar juara dunia.

Malah, pesilat berusia 25 tahun itu yang berlatih sepenuh masa sejak menamatkan perkhidmatan negara (NS) pada November tahun lalu mendapat dorongan besar ke arah mencapai cita-citanya itu apabila dipilih sebagai antara 17 penerima baru Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Biasiswa Spex) yang dihulurkan usaha merangkul gelaran dunia dunia.

Skim sokongan bagi atlet elit yang berada di laluan Sukan Berprestasi Tinggi (HPS) itu menyediakan sokongan lebih besar dan menyeluruh – baik dari segi kewangan mahupun pelbagai bantuan program peningkatan lain termasuk sains sukan – kepada atlet yang mempamerkan potensi cemerlang di peringkat Asia, Olimpik dan Sukan Dunia.

“Alhamdulillah, dengan sokongan biasiswa ini, saya berpeluang memberi fokus sepenuhnya pada sukan ini,” ujar Iqbal yang menerima biasiswanya itu daripada tetamu terhormat, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Cik Grace Fu, di majlis yang berlangsung di OCB Lounge, Hab Sukan Singapura, malam kelmarin.

“Melebihi bantuan kewangan, saya sebenarnya ghairah mahu cuba memanfaatkan sepenuhnya sistem sokongan yang menyeluruh termasuk dari aspek pemakanan yang betul dan biomekanik dalam usaha mencatatkan prestasi yang lebih baik lagi.

“Yang pasti, sokongan biasiswa ini akan membantu saya mengorak langkah lebih dekat dengan segala matlamat saya dalam sukan ini termasuk cita-cita menjadi seorang juara dunia suatu hari nanti,” tambah anak bongsu keluarga dua beradik itu yang bia-

siswanya kali ini juga adalah kali kedua selepas menamatkan tempoh pertama pada penghujung 2015 apabila memulakan NS.

Selain Iqbal, senarai 17 penerima baru bagi kohort kelima Biasiswa Spex ini termasuk rakan seperjuangannya Nurzuhairah Mohammad Yazid yang merupakan pemenang pingat emas acara seni tunggal puteri di temasya Sukan SEA Kuala Lumpur tahun lalu serta perenang Zachary Ian Tan yang pada usia 14 tahun merupakan penerima termuda sejak skim Biasiswa Spex ini diperkenalkan pada 2014.

Kumpulan terbaru itu turut menampilkan dua para-atlit – perenang Toh Wei Soong dan jaguh bowling, Mohamed Ismail Hussain.

Bagi Sneha Sivakumar (squash) dan Jowen Lim serta Ho Lin Ying (wushu), pemilihan mereka turut menyaksikan kali pertama sukan masing-masing itu diiktiraf anugerah itu.

Kesemuanya, program sokongan atlit berprestasi tinggi itu menyokong 78 atlit daripada 24 cabang sukan berlainan – ini termasuk penerima baru, penerima sedia ada serta 19 atlit yang anugerah masing-masing diperbaharui.

Dalam ucapannya, Cik Fu turut menggesa persatuan sukan nasional (NSA) supaya mempertingkatkan sokongan mereka kepada atlit.

“Dalam meniti perjalanan yang jauh dalam pembangunan atlit, NSA memainkan peranan penting.

“Saya ingin mendorong NSA supaya membangunkan rancangan jangka panjang yang berkekalan dan menyeluruh, dengan matlamat jelas, dengan pasukan profesional yang berkelayakan untuk melaksanakan segala rancangan itu,” ujar Cik Fu.

Di majlis sama, turut diumumkan rangkaian bagi skim Pendidikan Kecemerlangan Sukan (spexPendidikan) dan Bisnes Kecemerlangan Sukan (spexBisnes) – yang menghulurkan bantuan kepada atlit memburu kejayaan dalam sukan di samping melakar peluang kerjaya – kini bertambah 19 institusi/syarikat kepada 57 keseluruhannya yang sejauh ini menyokong sehingga 20 atlit Team Singapore dan 400 pelajar-atlit.



**DORONGAN BESAR:** Dua pesilat seni negara, Muhammad Iqbal Abdul Rahman dan Nurzuhairah Mohammad Yazid bergambar dengan siji anugerah Biasiswa Spex masing-masing. – Foto PERSISI



**PENERIMA BIASISWA SPEX:** Cik Fu (tengah) bergambar dengan penerima baru Biasiswa Spex yang akan mendorong atlit-atlit ini mencapai kejayaan apabila beraksi di pentas sukan yang lebih besar. – Foto SPORTSG